

**PB U.S. EAGLE FUND
(PB DANA U.S. EAGLE)
(PBUSEF)**

PENYATAAN TANGGUNGJAWAB

Helaian Penting Produk ini telah diteliti dan diluluskan oleh pengarah-pengarah Public Mutual Berhad dan mereka secara bersama dan berasingan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas ketepatan maklumat. Setelah membuat semua pertanyaan yang munasabah, mereka mengesahkan bahawa berdasarkan pengetahuan dan kepercayaan mereka, tidak terdapat kenyataan palsu atau mengelirukan, atau ada fakta lain yang ketinggalan yang akan menjadikan sebarang kenyataan di dalam Helaian Penting Produk ini palsu atau mengelirukan.

PENYATAAN PENAFIAN

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah membenarkan/mengiktiraf penerbitan PBUSEF dan satu salinan Helaian Penting Produk ini telah diserahkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Kebenaran yang diberikan untuk PBUSEF dan penyerah simpanan Helaian Penting Produk ini, tidak harus dianggap bahawa Suruhanjaya Sekuriti Malaysia mengesyorkan PBUSEF, atau bertanggungjawab untuk ketepatan kenyataan atau pendapat atau laporan yang dinyatakan di dalam Helaian Penting Produk ini.

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang ketakdedahan bagi pihak Public Mutual Berhad, yang bertanggungjawab untuk PBUSEF dan tidak mengambil tanggungjawab ke atas kandungan Helaian Penting Produk ini. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak mengesahkan ketepatan atau kesempurnaan Helaian Penting Produk ini, dan secara jelas menolak sebarang liabiliti yang terbit daripada atau bersandarkan kepada seluruh atau mana-mana bahagian kandungannya.

Helaian Penting Produk ini adalah terjemahan daripada versi Bahasa Inggeris. Jika terdapat sebarang perbezaan kandungan, Helaian Penting Produk versi Bahasa Inggeris dianggap muktamad.

HELAIAN PENTING PRODUK

Helaian Penting Produk (PHS) ini hanya memaparkan ciri-ciri utama dan risiko dana amanah saham ini. Pelabur adalah dinasihatkan untuk meminta, membaca dan memahami prospektus dana sebelum membuat keputusan untuk melabur.

MAKLUMAT RINGKAS PRODUK

Apakah produk ini?

Jenis produk	Dana amanah saham
Modal dilindungi atau dijamin	Tidak
Pengurus dana	Public Mutual Berhad
Pemegang amanah dana	AmanahRaya Trustees Berhad
Pengedar dana	Penasihat Skim Amanah Saham Institusi (IUTA), iaitu Public Bank Berhad

CIRI-CIRI UTAMA PRODUK

Apakah yang saya melabur?

Kategori dana	Ekuiti	
Objektif dana	Untuk mencapai pertumbuhan modal dalam jangka panjang. <i>Nota: Jangka panjang merujuk kepada tempoh lebih daripada 5 tahun.</i>	
Alokasi aset	Ekuiti dan sekuriti berkait ekuiti	75% hingga 98% daripada nilai aset bersih (NAB)
	Baki NAB dana akan dilaburkan dalam sekuriti pendapatan tetap dan aset cair termasuk instrumen pasaran wang dan deposit. <i>Jika prospek bagi pasaran ekuiti tidak menggalakkan, pendedahan ekuiti dan sekuriti berkait ekuiti boleh dikurangkan kepada julat yang lebih rendah daripada yang dinyatakan di atas sebagai strategi defensif sementara.</i>	
	Aset asing	Sehingga 98% daripada NAB dana

PBUSEF

Apakah yang saya melabur? (samb')

Lokasi aset	<ul style="list-style-type: none">Amerika SyarikatMalaysia dan mana-mana pasaran lain yang dibenarkan di mana pihak berkuasa berperaturan merupakan ahli biasa atau ahli bersekutu International Organization of Securities Commissions (sehingga 25% daripada NAB).
--------------------	---

KESESUAIAN PRODUK

Siapakah yang sesuai untuk dana ini?

Profil pelabur	Dana ini sesuai untuk pelabur jangka panjang yang boleh bertahan kenaikan dan penurunan pasaran saham dalam mencapai pertumbuhan modal.
-----------------------	---

RISIKO-RISIKO UTAMA

Apakah risiko-risiko utama yang berkaitan dengan produk ini?

Risiko pasaran	Risiko pasaran merujuk kepada kemungkinan pelaburan akan kehilangan nilai akibat penurunan umum dalam pasaran kewangan yang disebabkan oleh keadaan ekonomi, politik dan/atau lain-lain faktor yang akan menyebabkan penurunan dalam NAB dana.
Risiko sekuriti tertentu	Harga sesuatu sekuriti tertentu mungkin berubah sebagai tindak balas kepada keadaan yang memberi kesan kepada syarikat individu. Oleh itu, pergerakan harga yang buruk sesuatu sekuriti tertentu di mana dana melabur boleh menjelaskan NAB dan harga unit dana.
Risiko kecairan	Risiko kecairan merujuk kepada kemudahan untuk mencairkan aset bergantung kepada jumlah aset yang diniagakan di pasaran. Jika dana memegang aset yang tidak cair atau yang sukar untuk dilupuskan, nilai dana akan menerima kesan negatif apabila aset tersebut terpaksa dijual pada harga yang kurang memuaskan.
Risiko mata wang	Jika dana melabur dalam aset yang diukur dalam mata wang asing, dana mungkin akan terdedah kepada risiko turun naik mata wang. Jika nilai mata wang di mana pelaburan didenominasi menyusut berbanding dengan mata wang tempatan, NAB dana boleh terjejas begitu juga sebaliknya. Bagi mengurangkan risiko tersebut, dana ini boleh menggunakan strategi perlindungan nilai. Walau bagaimanapun, dana tidak akan mendapat manfaat daripada sebarang potensi peningkatan jika mata wang bergerak ke arah yang bertentangan dengan strategi lindung nilai.
Risiko negara	Pelaburan dana di sesebuah negara mungkin akan terjejas oleh perubahan keadaan ekonomi dan politik, sekatan penghantaran balik mata wang atau perkembangan lain dalam undang-undang atau peraturan negara di mana dana melabur. Sebagai contoh, keadaan ekonomi sesebuah negara yang merosot boleh memudaratkan nilai pelaburan dana di negara-negara tersebut. Ini seterusnya boleh menyebabkan NAB dana atau harga unit jatuh.
Risiko penumpuan	Memandangkan pelaburan PBUSEF tertumpu di Amerika Syarikat, ini boleh meningkatkan pendedahannya terhadap risiko pasaran, politik, undang-undang, ekonomi dan sosial di negara tersebut. Perkara ini boleh mengakibatkan kemudahabahan pulangan dana yang lebih tinggi berbanding dengan portfolio yang terdiri daripada pelaburan serantau atau global yang lebih meluas.

Anda dinasihatkan untuk membaca prospektus dana dan memahami risiko yang terlibat dan, jika perlu, berunding dengan penasihat profesional anda sebelum melabur.

YURAN & CAJ

Apakah yuran dan caj yang terlibat?

Caj jualan	Sehingga 5.5% daripada NAB seunit. <i>Pengurus boleh mengikut budi bicaranya untuk mengenakan caj jualan yang lebih rendah.</i>
Caj penebusan	Tiada

Apakah yuran dan caj yang terlibat? (samb’)

Caj tukar ganti	Ke Dana Penerima	Dana Ekuiti / Aset campuran / Seimbang	Dana Bon	Dana Pasaran Wang
	Tukar ganti keluar/(Keluar)			
Dalam masa 90 hari:				
- Unit beban		Sehingga 0.75%*	Sehingga 0.75%*	Sehingga 0.75%*
- Unit beban separa		Sehingga 0.50%*	Sehingga 0.50%*	Sehingga 0.50%*
Selepas 90 hari:				
- Unit beban		Sehingga RM50	Sehingga RM50	Tiada
- Unit beban separa		Sehingga 0.50%*	Sehingga 0.50%*	Tiada
Nota: • Unit beban ialah unit yang dikenakan caj jualan sebanyak 3% atau lebih melalui pelaburan dalam dana ekuiti/aset campuran/seimbang. • Unit beban separa ialah unit yang dikenakan caj jualan kurang daripada 3% melalui pelaburan dalam dana ekuiti/aset campuran/seimbang. * Tertakluk kepada minimum RM50, yang mana lebih tinggi.				
Caj pemindahan	Sehingga RM50 setiap pemindahan.			
Yuran pengurusan	1.80% setahun daripada NAB			
Yuran pemegang amanah	0.06% setahun daripada NAB, tertakluk kepada yuran minimum sebanyak RM18,000 dan yuran maksimum sebanyak RM600,000 setahun.			

Nota: Yuran dan caj di atas mungkin tertakluk kepada sebarang cukai dan/atau duti yang dikenakan (jika ada) yang perlu dibayar oleh anda.

Terdapat yuran dan caj yang terbabit dan anda dinasihatkan mempertimbangkannya sebelum membuat pelaburan dalam dana.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Penilaian

NAB dana ini dikira dan harga unit disiarkan pada setiap hari urus niaga di www.publicmutual.com.my.

Pembelian dan penebusan unit

Anda boleh membeli dan menebus unit dana pada mana-mana hari urus niaga pada NAB dana yang ditentukan seterusnya.


Pelaburan permulaan

- Pelaburan permulaan minimum*: RM1,000.
- Pelabur yang merupakan pelanggan Public Mutual Online (PMO) boleh membeli unit dana secara dalam talian.
- Sekiranya anda bukan pelanggan PMO, anda juga boleh mendaftar untuk menjadi pelanggan PMO secara dalam talian di laman web kami atau melalui kios Pintar kami yang terletak di cawangan kami atau di Pusat Perkhidmatan Pelanggan kami di Pusat Membeli-belah 1 Utama.
- Jika sebaliknya, sila hantarkan borang permohonan pelaburan yang lengkap bersama-sama dengan cek kepada mana-mana cawangan Public Bank Berhad.
- Untuk pelabur kali pertama Public Mutual Berhad, anda dikehendaki mengisi borang pelabur baharu.

Nota: * Pengurus boleh mengubah jumlah minimum pelaburan permulaan dari masa ke semasa.

Pelaburan tambahan

- Pelaburan tambahan minimum: RM100.
- Anda boleh melabur secara berkala melalui PMO, arahan debit terus kepada bank atau dengan membuat deposit cek ke dalam akaun kutipan yang terdapat di Public Bank Berhad.

Pembelian dan penebusan unit (samb')	
	Bagaimana Anda Perlu Menulis Cek
Pelabur Individu	Cek mestilah dibayar kepada:
Pelaburan Permulaan	"Public Mutual Berhad - Nombor Kad Pengenalan Baharu Pemegang Pertama".
Pelaburan Tambahan	"Public Mutual Berhad - Nombor Akaun Dana yang Disasarkan" atau "Public Mutual Berhad - Nombor Kad Pengenalan Baharu Pemegang Pertama".
<p>Bagi pelabur korporat, cek bagi pelaburan permulaan mestilah dibayar kepada "Public Mutual Berhad - Nombor Pendaftaran Syarikat Anda". Cek bagi pelaburan tambahan mestilah dibayar kepada "Public Mutual Berhad - Nombor Akaun Dana yang Disasarkan atau Nombor Pendaftaran Syarikat Anda".</p> <p>Sila tulis nama, nombor kad pengenalan baharu/nombor pasport/nombor pendaftaran syarikat dan nombor telefon anda di belakang cek.</p> <p><u>Hak bertenang</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Hanya untuk pelabur kali pertama Public Mutual Berhad. • Permintaan anda mesti dihantar kepada pejabat cawangan Public Bank Berhad di mana anda membeli unit anda, dalam tempoh 6 hari urus niaga dari tarikh borang permohonan pelaburan dan bayaran diterima oleh Public Mutual Berhad. • Bayaran balik penuh akan dibayar dalam tempoh 10 hari dari tarikh pelaksanaan hak ini. • Bayaran balik bagi setiap unit yang dipegang adalah jumlah harga unit pada hari unit dibeli dan caj jualan (dan sebarang cukai dan/atau duti yang dikenakan, jika ada) yang dikenakan pada hari unit dibeli. • Perbadanan atau institusi, kakitangan Pengurus dan sesiapa yang berdaftar untuk mengurus niaga dalam dana amanah saham tidak layak untuk hak bertenang ini. <p><u>Penebusan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Unit penebusan minimum: 1,000 unit • Anda boleh melaksanakan permohonan penebusan anda melalui PMO atau dengan mengisi dan menyerahkan borang penebusan pada mana-mana hari urus niaga kepada pejabat cawangan Public Mutual Berhad atau Public Bank Berhad yang terdekat atau Ibu Pejabat Public Mutual Berhad. • Hasil penebusan anda akan dibayar dalam tempoh 10 hari dari tarikh penerimaan permohonan anda. Jika penebusan separa menyebabkan baki di dalam akaun anda kurang daripada 1,000 unit, Pengurus boleh menebus keseluruhan akaun. 	

ANDA DILARANG MEMBUAT BAYARAN TUNAI UNTUK PELABURAN



PERUNDING SKIM AMANAH SAHAM DAN KAKITANGAN PUBLIC MUTUAL BERHAD TIDAK DIBENARKAN MENERIMA PELABURAN DALAM BENTUK TUNAI DALAM APA JUA KEADAAN.

Public Mutual Berhad tidak akan bertanggungjawab ke atas kerugian yang ditanggung sekiranya anda memberi wang tunai kepada perunding skim amanah saham atau kakitangan kami.



BNM/02/01-2020

ANDA DILARANG MEMBUAT BAYARAN TUNAI KEPADA PERUNDING SKIM AMANAH SAHAM ATAU KAKITANGAN PUBLIC MUTUAL BERHAD.

ANDA DILARANG MEMBUAT DEPOSIT ATAU PINDAHAN KE AKAUN BANK PERUNDING SKIM AMANAH SAHAM ATAU KAKITANGAN PUBLIC MUTUAL BERHAD.



ANDA DILARANG MENGELUARKAN CEK DI ATAS NAMA PERUNDING SKIM AMANAH SAHAM ATAU KAKITANGAN PUBLIC MUTUAL BERHAD.

APA YANG ANDA PERLU TAHU

Dana ini bukan dana jaminan modal atau lindungan modal.

Harga unit dan agihan boleh bayar, jika ada, mungkin turun atau naik.

Prestasi dana pada masa lalu tidak menjadi petunjuk untuk prestasi masa hadapan.

Apabila pecahan unit atau agihan diisytiharkan, berikutan terbitan pecahan unit dan/atau agihan, NAB seunit akan berkurangan dengan sewajarnya bagi mencerminkan/mengambil kira pecahan unit dan/atau agihan tersebut.

Apabila pecahan unit diisytiharkan, nilai pelaburan dalam sebutan Ringgit Malaysia tidak akan berubah selepas pengagihan unit tambahan.

MAKLUMAT HUBUNGAN

Siapakah yang perlu saya hubungi untuk maklumat lanjut mengenai dana?

Untuk maklumat berkaitan dana, anda boleh berunding/menghubungi:

- Wakil korporat Public Bank Berhad yang berdaftar dengan Federation of Investment Managers Malaysia (FIMM);
- Talian Perkhidmatan Pelanggan Public Bank Berhad di 1-800-22-9999; atau
- Talian Perkhidmatan Pelanggan Public Mutual Berhad di 03-2022 5000.

Siapakah yang perlu saya hubungi untuk membuat aduan?

1. Bagi penyelesaian pertikaian dalaman, anda boleh menghubungi Talian Perkhidmatan Pelanggan Public Bank Berhad di 1-800-22-9999 atau Talian Perkhidmatan Pelanggan kami di 03-2022 5000.
2. Jika anda tidak berpuas hati dengan keputusan proses penyelesaian pertikaian dalaman, sila rujuk pertikaian anda kepada Securities Industry Dispute Resolution Center (SIDREC):

(a) melalui telefon kepada	: 03-2282 2280
(b) melalui faks kepada	: 03-2282 3855
(c) melalui e-mel kepada	: info@sidrec.com.my
(d) melalui surat kepada	: Securities Industry Dispute Resolution Center (SIDREC) Unit A-9-1, Level 9, Tower A Menara UOA Bangsar No. 5, Jalan Bangsar Utama 1 59000 Kuala Lumpur
3. Anda juga boleh membuat aduan terus kepada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) walaupun anda telah memulakan proses penyelesaian pertikaian dengan SIDREC. Untuk membuat aduan, sila hubungi Pejabat Pengguna & Pelabur SC:

(a) melalui telefon kepada Aduan Hotline di	: 03-6204 8999
(b) melalui faks kepada	: 03-6204 8991
(c) melalui e-mel kepada	: aduan@seccom.com.my
(d) melalui borang aduan dalam talian yang tersedia di	: www.sc.com.my
(e) melalui surat kepada	: Pejabat Pengguna & Pelabur Suruhanjaya Sekuriti Malaysia No. 3, Persiaran Bukit Kiara Bukit Kiara 50490 Kuala Lumpur
4. Biro Aduan FIMM:

(a) melalui telefon kepada	: 03-2092 3800
(b) melalui faks kepada	: 03-2093 2700
(c) melalui e-mel kepada	: complaints@fimm.com.my
(d) melalui borang aduan dalam talian yang tersedia di	: www.fimm.com.my
(e) melalui surat kepada	: Legal, Secretarial & Regulatory Affairs Federation of Investment Managers Malaysia 19-06-01, 6 th Floor Wisma Tune No. 19 Lorong Dungun Damansara Heights 50490 Kuala Lumpur

PHS ini akan dikemaskini pada 30 April 2022. Anda boleh merujuk kepada laman web kami di www.publicmutual.com.my untuk PHS yang telah dikemaskini.